


Insentif RM100,000 untuk Chong Wei, Peng Soon MS 15



buletin Mutiara



PERCUMA

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

16 – 31 OGOS, 2016

Seberang Perai, pengubah ekonomi masa depan P. Pinang - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BAGAN DALAM – Seberang Perai disifatkan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sebagai 'pengubah ekonomi' bagi negeri Pulau Pinang pada masa hadapan.

Katanya, (bahagian) pulau dan Seberang Perai adalah seperti adik-beradik kembar.

"Kita tidak boleh pisahkan kedua-duanya, bahkan kita kena rapatkan 'mereka'.

"Jadi bagaimana kita ingin rapatkan mereka? Kerajaan Negeri meningkatkan hubungan antara dua bahagian ini, tidak cukup satu jambatan, kita tambah dua, tidak cukup lagi, kita bina terowong bawah dasar laut pertama di Malaysia.

"Malah, Seberang Perai juga tidak dipinggirkan oleh Kerajaan Negeri apabila turut dimasukkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP)," ujarnya pada Majlis Pelancaran Buku Seberang Perai Stories From Across The Sea sempena pengajuran Butterworth Fringe Festival (BFF) 2016 dekat



KETUA MENTERI, Phee Boon Poh, Maimunah Mohd. Sharif (bertudung biru mera) dan Joe Sidek (bersongkok) meneliti hasil seni beberapa karyawan yang mengambil bahagian dalam pengajuran BFF 2016 di sini baru-baru ini.

Jalan Jeti Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon

Poh; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato'

Maimunah Mohd. Sharif dan Pengelola BFF 2016, Joe Sidek.

Pada majlis berasingan, Guan Eng menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negeri menonjolkan warisan tak ketara menerusi pengajuran edisi kedua BFF 2016 yang bakal mengerakkan aktiviti ekonomi di Butterworth kelak, setanding dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town suatu hari nanti.

"Seperti yang kita tegaskan, untuk menjadi sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa dan juga sebuah bandar raya yang maju, mesti ada satu hab atau satu teras budaya dan seni.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan pembangunan seimbang bukan sahaja dalam aspek ekonomi, malah dalam budaya dan seni.

"Tujuh tahun Festival George Town (GTF) diadakan di bahagian pulau, nescaya perlu diadakan juga suatu festival seumpamanya di bahagian Seberang Perai," ujarnya sambil menyatakan bahawa pengajuran berkaitan sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam mengembangkan potensi bahagian Seberang Perai seiringan dengan kemajuan di bahagian pulau.

Harap kerjasama, bawa seni budaya tempatan ke persada antarabangsa - Joe Sidek

GEORGE TOWN – Kritikan segelintir pihak kononnya pengajuran musim kedua Festival Pinggiran Butterworth (BFF) di Jalan Jeti Lama, Butterworth pada 13 dan 14 Ogos lalu sedikitpun tidak mematahkan semangat pengajar pengajuran, Joe Sidek.

Katanya, kombinasi 31 acara tempatan dan enam acara antarabangsa akan melonjak jenama BFF serta kebudayaan tempatan ke persada dunia suatu hari nanti.

Ertinya, 83.78 peratus adalah acara tempatan, manakala baki 16.22 peratus lagi, acara antarabangsa.

"Tujuh tahun lalu, sesiapa pun tak tahu mengenai apa yang kita buat, adakah anda fikir mereka akan datang tanpa mereka tahu jenama kita (*George Town Festival, GTF*) dalam

pasaran festival antarabangsa

"Kalau kita bawa keluar *George Town Festival* (GTF) ini, cuba fikirkan apa lagi festival tarian dan seni yang ada untuk kita tengok.

Saya juga Melayu dan saya bangga menjadi orang Islam, (tetapi) saya bukan hanya mahu menjadi terbaik dalam kalangan kita di Malaysia sahaja, saya mahu kebudayaan tempatan di Malaysia terbaik di persada antarabangsa," katanya pada sesi temubual bersama Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Lagipun, kata Joe Sidek, kombinasi acara dalam BFF kali ini mengambil kira perjanjian persefahaman (MoU) dengan pengajuran Adelaide Festival di

Australia, iaitu festival kedua terbesar di dunia.

Menurut beliau, sehingga kini, para pengkritiknya masih tidak mengemukakan proposal berwajib, seperti 'Pelantar Melayu' untuk diangkat sebagai tema festival tahunan tersebut.

"Saya bukan nak jadi wira dalam kalangan Melayu, tetapi mereka yang lebih awal dalam bidang kebudayaan dan kesenian Melayu ini, di mana program yang mereka angkat untuk Malaysia ini.

"Apa yang anda nak cadangkan, biar saya bantu.

"Mereka sebut 'Pelantar Melayu' dan 'Bangkit Melayu', semua perkara adalah Melayu, kraftangan Melayu, tapi saya sebut anda mesti berikan

kepada saya yang terbaik.

"Saya tak mahu festival ini seperti pasar malam, saya nak yang terbaik untuk citrawarna festival," ujarnya.

Joe Sidek memberitahu, kesedaran rakyat Malaysia tanpa mengira kaum di Pulau Pinang terhadap pri penting seni dan budaya tempatan sebenarnya seakan masih muda.

"Saya pernah menganjurkan muzik tradisional Armenian Park, 90 peratus (pengunjung) adalah pelancong asing, di mana warganegara?

"Ini adalah acara Melayu, ada rebab, gamilan, 100 peratus program Melayu, tapi 90 peratus (pengunjung)

alah pelancong asing.

"Kita mesti mencabar dunia, saya memang nak jadi Melayu terbaik di pentas antarabangsa, bukan Melayu yang selesa dalam kalangan Melayu sahaja.

"Sebenarnya sentimen khalayak bukan sebegini, mereka begitu suka dengan festival yang variasi," jelasnya sambil mengharap saling kerjasama para pengkritiknya, daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mesra Melayu.

Joe Sidek memberitahu, biarlah BFF ketika ini terus dilihat sebagai festival jalanan secara percuma, supaya lebih ramai generasi muda tempatan tidak lagi seperti 'katak di bawah tempurung'.

Atas semangat merdeka, jangan biarkan diri dijajah amalan rasuah, nasihat TKMII

Oleh : ZAINULFAQAR

YAACOB

Gambar : AHMAD ADIL
MUHAMAD

SEBERANG JAYA

Sungguhpun tanah air mengecapi kemerdekaan sudah 59 tahun, jangan biarkan diri dijajah oleh amalan rasuah serta penyelewengan kuasa yang akhirnya akan menjaskannya nama baik negara di mata dunia.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memberi nasihat berkenaan ketika merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

"Sambutan ini untuk menyemai semangat patriotisme dalam diri kita semua sebagai rakyat Malaysia, daripada pelbagai peringkat, sekecil kanak-kanak, remaja, dewasa dan seluruh warganegara Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada majlis berkaitan.

Bercakap kepada pemberita, Mohd. Rashid turut memuji keberanian dua rakyat Malaysia yang memulakan



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

saman kelompok terhadap beberapa peribadi berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tanpa menyebut nama pihak yang dipuji, Mohd. Rashid menganggap usaha mereka berkenaan mahu membawa pulang harta rakyat samalah seperti usaha para pejuang kemerdekaan terdahulu mempertahankan maruah

tanah air daripada belenggu penjajah.

"Itu yang sepatutnya kita nak dedahkan, risiko itu tetap ada, tetapi rakyat berkenaan diharap dapat melakukan yang terbaik.

"Kita memang tabik kepada beberapa orang yang berani mendedahkannya," ujarnya.

Sebelum itu, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Dr. Afif Bahardin (ADUN

Law Choo Kiang yang juga ADUN Bukit Tambun ketika berucap pada majlis keraian sama memberitahu, pelbagai program dianjurkan peringkat negeri sepanjang Bulan Kemerdekaan mulai 16 Ogos hingga 16 September ini.

Timbalan Ketua Menteri II Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Dr. Afif Bahardin (ADUN

Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) turut serta majlis keraian negeri itu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Pada majlis sama, Mohd. Rashid turut menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan serta wakil-wakil agensi korporat.

Malah, turut disampaikan hadiah kepada para pemenang bagi Peraduan Mewarna kanak-kanak serta Pertandingan Membina Jalur Gemilang Daripada Barang Kitar Semula Peringkat Sekolah.

KN tidak kurangkan seinci pun hutan simpan kekal negeri - KM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN LEPAS - Syarikat-syarikat swasta dan badan-badan korporat disarankan menjalin usahasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menjayakan inisiatif mengindahkan lanskap, terutama kawasan-kawasan riadah dan taman di negeri ini.

Saranan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersempena sambutan Hari Lanskap Negara 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung di Taman Jajar (Linear Park) Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, usahasama tersebut boleh dilaksanakan menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara pihak-pihak berkaitan.

"Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab dengan menanam 271,000 pokok baru di seluruh Pulau Pinang sejak tahun 2008, malah lebih banyak taman-taman poket dan taman lanskap diwujudkan sepanjang tempoh berkaitan.

"Konsep kita (Kerajaan Negeri) adalah sentiasa memastikan aspek pembangunan taman, penanaman pokok teduhan dan pengindahan bandaraya seiringan dengan pembangunan lanskap yang terancang dan

berkualiti.

"Inisiatif ini sekaligus dapat menyumbang ke arah pemuliharaan ekologi dan mewujudkan suasana persekitaran yang hijau dan harmoni."

"Justeru, besarlah harapan saya agar lebih banyak syarikat swasta dan badan-badan korporat tampil membantu menjayakan pendekatan ini," katanya pada majlis sambutan bertemakan 'Lanskap Berfungsi Kehidupan Berkualiti' berkenaan.

Hadir menyempurnakan majlis, Yang DiPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Ketua-ketua Jabatan MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut sama menyerikan majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Guan Eng menegaskan bahawa **Kerajaan Negeri tidak pernah menebang atau mengurangkan seinci pun persegi pun**



hutan simpan kekal di negeri ini sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan pada tahun 2008.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak seperti

"271,028 pokok telah ditanam sejak tahun 2008 oleh pelbagai agensi kerajaan, pemaju-pemaju, NGO dan komuniti setempat"

Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.

LAPORAN PENANAMAN POKOK DARI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	2008	49,600
2	2009	94,188
3	2010	91,366
4	2011	47,638
5	2012	15,641
6	2013	12,346
7	2014	13,370
8	2015	27,179
	JUMLAH KESELURUHAN	271,028

negeri-negeri lain, kita tidak pernah menebang atau mengurangkan seinci pun hutan simpan kekal di sini, bilangannya masih tetap sama," jelas beliau.

Kelulusan jajaran pertama LRT Bayan Lepas, KN akan berjumpa SPAD - Kon Yeow

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri akan berjumpa Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Datuk Seri Dr. Syed Hamid Syed Jaafar Albar pada September ini susulan permohonan cadangan jajaran pertama projek aliran transit ringan (LRT) Bayan Lepas yang diserahkan kepada pihak berkaitan pada 29 Mac 2016.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, beliau akan mengetuai delegasi berkaitan yang dijangka pada pertengahan September ini.

"Saya sendiri akan mengetuai delegasi Kerajaan Negeri untuk berjumpa dengan Syed Hamid di pejabatnya nanti.

"Daripada situ, kita akan lihat apa lagi yang masih diperlukan termasuk memperoleh persetujuan bersyarat bagi melaksanakan kajian terperinci bagi perancangan pelan pengangkutan untuk jangka masa panjang Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media di sini 11 Ogos lalu.

Menurut Kon Yeow, mengikut garis masa projek (*timeline*) rakan pelaksana projek (PDP) PIP, SRS Consortium Sdn. Bhd. (SRS), pihak berkaitan perlu mendapatkan maklum balas berhubung cadangan-cadangan jajaran LRT pertama merangkumi laluan dari Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) ke Bayan Lepas daripada SPAD pada penghujung bulan Julai lalu.

"Namun, sehingga ke hari ini, baikpun SRS mahupun Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, cadangan PIP kini masih dalam proses perancangan dan perbincangan memandangkan beberapa isu seperti perincian reka bentuk dan teknikal perlu diperhalusi lebih lanjut.

Pada 29 Mac lalu, Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri menerahkan cadangan jajaran pertama projek aliran transit ringan (LRT) sejauh 30 kilometer kepada SPAD merangkumi laluan dari Komtar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas.



CHOW Kon Yeow menunjukkan dokumen berkaitan PIP pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mufti tegur faham anti vaksin melampau

SEBERANG JAYA – Hanya ahli vaksin serta doktor pakar berwajib mempunyai kelayakan untuk menentukan bahan serta kesan berantai pada kegunaan satu-satu vaksin itu, sama ada baik atau buruk.

Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Nor berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyebaran fahaman melampau anti vaksin, yang disebarluaskan secara meluas menerusi laman sosial Facebook tanpa berdasarkan disiplin ilmu fikrah sebenar serta hasil kajian saintifik berwajib.

"Islam begitu menghormati 'specialisation', pengkhususan dan kepakaran kerana Allah berfirman (yang bermaksud): 'oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui' (Surah An-Nahl: 43).

"Pakar syariah hanya melihat dari kaedah-kaedah hukum syariah sahaja, kalau dia (fuqaha) tidak tahu keadaan sebenar dalam satu-satu isu itu, tidak boleh mengeluarkan fatwa yang tepat.

"Oleh sebab itu, dia (fuqaha) perlu mendengar pandangan pakar (ahli vaksin) ini supaya dia (fuqaha) boleh membuat kesimpulan hukum berkenaan isu yang dibangkitkan," ujarnya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama dalam Konvensyen Keluarga Sejahtera 2 di sini baru-baru ini.

Difahamkan, fahaman anti vaksin antara lain menganggap vaksinisasi boleh mengakibatkan autisme serta memberi kesan sampingan yang buruk ke atas kanak-kanak.

Selain itu, fahaman tersebut percaya bahawa kesihatan dan daya tahan badan (imuniti) anak-anak mereka adalah lebih baik sekiranya tidak mengambil vaksin, sebagaimana diperlukan di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan,

1972.

Lebih dari itu, bahan vaksin yang diberikan sejak bayi baru lahir digambarkan tidak halal, 'agenda Zionis' serta akan mengakibatkan intelektual umat Islam kian lemah kerana dihasilkan daripada elemen tertentu.

Ketika ini, hampir 95 peratus komuniti mendapatkan vaksin berwajib dan Wan Salim mengakui program imunisasi yang dilaksanakan kerajaan secara umum terbukti memberi manfaat terbanyak kepada masyarakat.

"Kalau digunakan kaedah 'menutup pintu-pintu haram' ini sahaja untuk tidak mahu mengambil vaksin, ia akan menyusahkan masyarakat Islam.

"Sebab itu, perlu diimbangi dengan kaedah-kaedah fiqh lain seperti 'mudarab diambil sekadarnya'...maknanya kalau terpaksa umat Islam dibenarkan untuk menggunakan vaksin untuk mencegah daripada kehilangan nyawa.

"Setakat ini, kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) membaca dan mengkaji pendapat-pendapat ulama antarabangsa seperti Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradawi.

"Malah fatwa-fatwa di Malaysia sendiri menyebut, menurut amalan pakar-pakar perubatan Islam di seluruh dunia, mereka mengatakan bahawa penggunaan vaksin ini perlu untuk mencegah penyakit berjangkit.

"Dr. Yusuf Al-Qaradawi sendiri dalam fatwanya mengenai pelarutan zat (*istihlah*) ini mengatakan sesuatu yang najis itu sendiri tidak dikira najis apabila ia ditransformasi menjadi suatu elemen yang lain," jelasnya.

Justeru, beliau berkata, tuduhan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meluluskan kemasukan vaksin 'tidak halal' ke tanah air ini, hanya sangkaan tanpa asas (*waham*) segelintir pihak yang terpengaruh oleh faham anti vaksin melampau.



DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor (kanan) dan Dr. Mhd. Fozi Ali pada sidang media sempena penganjuran Konvensyen Keluarga Sejahtera 2 di sini baru-baru ini.

Mufti nasihat usia bakal suami isteri tidak terlalu jarak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor menasihatkan bakal suami di negeri ini supaya berkahwin dengan pasangan yang tidak terlalu muda atau tua.

Katanya, kegagalan pasangan mengekalkan kemampuan seksual masing-masing disebabkan usia tua di kemudian hari merupakan antara faktor pembubaran rumah tangga.

"Pasangan yang terlalu jauh perbezaan usianya antara suami dan isteri, walaupun dari segi hukum agama yang jelas tidak ada larangan, tetapi, dalam jangka masa yang panjang, saya fikir ini sesuatu yang tidak baik.

"(Ini kerana,) kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) dapat banyak juga rumah tangga musnah dan runtuh disebabkan ketidadaan kemampuan seksual,

terutama di pihak suami untuk melaksanakan tanggungjawabnya dari sudut seksualnya.

"Perlu ada suatu jangka masa tertentu, yang ideal, dalam 10 tahun atau paling banyak 15 tahun antara bakal isteri dan bakal suami," jelasnya selepas menyampaikan ucaptama dalam Konvensyen Keluarga Sejahtera 2 di Dewan Seminar Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini baru-baru ini.

Konvensyen tahunan itu adalah anjuran bersama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Wanita Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) Negeri Pulau Pinang.

Turut serta, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof. Madya Dr. Mohd. Fozi Ali, Prof. Md. Roslan Hashim (Pensyarah Universiti Sains Malaysia, USM) serta Datin Paduka Che Asmah Ibrahim (Ketua Wanita IKRAM Malaysia).

Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Tuan Yang Dipertua Negeri Ke-78.

TYT seru rakyat, pimpinan pertahan keamanan negeri

GEORGE TOWN – Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyatakan supaya kemakmuran dan keamanan yang dikehendaki negeri pada masa ini dipertahankan.

Beliau berkata, rakyat Pulau Pinang harus bersyukur kerana dikurniakan sebuah negeri yang penuh dengan nikmat.

"Semua kurniaan Allah SWT ini perlu ditutup dan dipelihara dengan penuh iltizam dan istiqamah."

"Kemakmuran dan keamanan yang dikehendaki selama ini harus disyukuri dan dipertahankan kelangsungannya kerana kedua-duanya merupakan asas kepada jatuh bangunnya sebuah negeri."

"Keamanan adalah pemangkin kelangsungan kemajuan dan pembangunan sebuah negeri," ucapnya pada Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahunnya Ke-78 dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Abdul Rahman memberitahu, rakyat dan pimpinan negeri perlu mengelakkan pertelagahan sesama sendiri dan mempertahankan kemakmuran yang dikehendaki.

"Perkara-perkara kecil dan remeh tidak harus diperbesarkan dan perlu

diselesaikan sebagai satu keluarga besar.

"Saya menyeru kepimpinan Kerajaan Negeri supaya memperkuatkan landasan yang dibina selama ini untuk meningkatkan lagi keharmonian dan kesejahteraan pada masa akan datang," ujarnya yang juga berharap agar hubungan baik dan kerjasama yang terjalin di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan agar agenda pembangunan negeri dapat dilaksanakan demi kesejahteraan semua."

Menurut Abdul Rahman, untuk mewujudkan sebuah negeri yang memiliki ciri-ciri negeri yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT, menuntut usaha keras pelbagai pihak.

"Segala kerja keras dan komitmen padu kepimpinan negeri memerlukan sokongan dan dokongan daripada seluruh rakyat Pulau Pinang."

"Dalam hal ini, saya amat berterima kasih kepada barisan kepimpinan negeri di bawah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana telah berjaya mentadbir dan membangunkan negeri Pulau Pinang dengan penuh dedikasi, tekun, jujur dan telus sehingga rakyat dapat menikmati pembangunan dan kemajuan dengan adil dan



KETUA Menteri, Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang (dua dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kiri) ketika beliau tiba di perkarangan Dewan Sri Pinang di sini.

saksama," jelasnya di Dewan Istiadat.

Seramai 1,223 penerima telah diperkenankan menerima Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena majlis sambutan berkenaan.

menceritakan peristiwa sekitar tahun 1960-an yang mana beliau terpaksa berlapar selama tiga hari kerana tidak mempunyai wang.

"Ketika itu, saya cari makan dengan bermain muzik di kelab-kelab, pendapatan tidak menentu, tetapi berkat prinsip 'tidak mahu mengalah', saya teruskan perjuangan sehingga ke hari ini," ujarnya.

Mencipta lebih 2,000 buah lagu dan menerbitkan lebih 500 buah album, pencapaian yang paling beliau banggakan adalah lagu ciptaan 'Malaysia Truly Asia' dirakamkan dalam 17 bahasa antaranya bahasa Sepanyol, Perancis, Arab, Jepun, Bangladesh, Thailand dan Jerman.

Sepanjang mencebur seni muzik, Ahmad Nawab bukan sahaja mencipta lagu kepada penyanyi tempatan seperti Datuk Sudirman Hj. Arshad, Datuk Jamal Abdillah dan Datuk Khatijah Ibrahim, malah pernah mencipta lagu untuk penyanyi Indonesia seperti Hetty Koes Endang dan Broery Marantika.

Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) Kuala Lumpur sebelum ditukarkan ke cawangan Pulau Pinang.

Mula bertugas di Jabatan Kewangan Negeri sejak 2007 dengan menjawat jawatan Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bahagian Bajet) dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri sehingga bersara pada 6 Oktober 2014.

Hashimah bukan sahaja banyak terlibat dengan pengurusan kewangan kelab, malah beliau juga merupakan antara tonggak utama dalam membantu Kerajaan Negeri mengekalkan dan mendapat pengiktirafan Indeks Akauntabiliti (AI) dan lebihan belanjawan (surplus) dalam pengurusan Kewangan Negeri.



Mutiara.

Menurut Ahmad Nawab, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memilih beliau sebagai penerima darjah kebesaran negeri. Malah, beliau terharu bercampur gembira kerana perjuangannya dalam bidang seni muzik selama ini diiktiraf.

Ketika ditanya tentang pengalaman yang tidak boleh dilupakan, Ahmad Nawab



HASHIMAH Mohamed Hashim.

berpakaian istiadat hadir ditemani anaknya.

Kerjaya ibu kepada tiga cahaya mata tersebut bermula pada tahun 1982 di Unit

KETUA Bahagian Belanjawan Jabatan Kewangan Negeri, Datuk Hashimah Mohamed Hashim merupakan antara penerima Darjah Setia Pangku Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk menyifatkan anugerah tersebut sebagai penghormatan daripada pihak Kerajaan Negeri kepadaannya setelah hampir 34 tahun berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam.

Beliau yang ditemui wakil Buletin Mutiara sejurus selepas Majlis Istiadat Penganugerahan temyata bersyukur dengan penghormatan tersebut.

"Ini merupakan penghormatan buat diri saya," ujarnya dengan penuh rendah diri.

Pada majlis yang diadakan di Dewan Sri Pinang tersebut, Hashimah yang lengkap

Model tadbir urus baik, kepimpinan bersih fokus utama Kerajaan Negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Model tadbir urus yang baik dan kepimpinan bersih menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dalam membangunkan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri keusahawanan dan berkebajikan.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Tuan Yang Dipertua Negeri (TYT) Ke-78 tahun ini.

Menurut Guan Eng, **Kerajaan Negeri akan terus mentransformasikan Pulau Pinang, bukan sahaja sebagai negeri bertaraf antarabangsa dan pintar, malah menjadi pilihan utama para pelabur seluruh dunia.**

"**Walaupun Pulau Pinang tidak mempunyai sumber semulajadi dan ketandusan peruntukan sewajarnya daripada Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang telah berjaya mencapai pembangunan menyerlah dengan bergantung kepada tadbir urus yang baik.**

"Membina bakat sumber manusia bersandarkan Perkongsian Kerjasama Awam - Swasta (PPP) terutama dalam

projek-projek berkepentingan awam, menjanakan pembangunan yang mempan.

"Ita terbukti apabila projek *Penang Science Cafe* yang bernilai RM20 juta dibiayai secara awam. Begitu juga, projek *Penang Tech Dome*, pusat kecemerlangan sains dan teknologi yang bernilai RM28 juta dibiayai secara awam dan perkongsian bersama sektor swasta," katanya yang mengalau-alukan sektor swasta melabur dana dan kepakaran dalam projek-projek atau inisiatif awam Kerajaan Negeri.

Guan Eng dalam pada itu menyeru agar rakyat negeri ini terus mengkalkan perpaduan dan menangani perbezaan pendapat serta fahaman politik dengan bijaksana.

"**Walaupun terdapat perbezaan pendapat, namun usaha gigih mestilah diteruskan dalam mencari titik penyelesaian demi mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan di antara kaum di negeri ini,**" ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut memperbaharui ikrar dan taat setia tidak berbelah bahagi kepada TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Beliau turut menzahirkan ucapan Selamat Hari Jadi ke-78 kepada Abdul Rahman dan mendoakan kesihatan serta kesejahteraan Abdul Rahman bersama-sama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Tuan Yang Dipertua Negeri Ke-78.

Terima kasih pekerja 3D kerana jadikan Pulau Pinang bersih, hijau, sihat dan selamat

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada 10 Pekerja Am Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP (8) yang menerima Pingat Kehormatan Negeri baru-baru ini.

Guan Eng yang ditemui di Dewan Sri Pinang sejurus tamat istiadat Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Tuan Yang Dipertua Negeri (TYT) Ke-78 berkata, beliau amat berterima kasih kepada semua Pekerja Am kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan kerana melaksanakan tugas 3D iaitu sukar (*difficult*), bahaya (*dangerous*) dan kotor (*dirty*).

"Terima kasih kepada mereka (Pekerja Am 3D) kerana usaha mereka telah menjadikan Pulau Pinang

sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

"(Dan) Kerajaan Negeri memandang berat serta menghargai usaha keras mereka bukan macam dulu (kerajaan Barisan Nasional terdahulu), tidak pernah memberi pengiktirafan, tetapi sekarang kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) memberi pengiktirafan kepada mereka kerana melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan cemerlang," ujarnya pada sidang media ringkas di sini.

Turut sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Dalam pada itu, Guan Eng mengakui bahawa sebelum ini masyarakat Malaysia memandang pekerjaan 3D ini hanyalah pekerjaan



PEKERJA - pekerja 3D MPSP merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan Chow Kon Yeow (depan, empat dari kiri).

warga asing.

"(Namun), sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) telah membuktikan bahawa rakyat

Malaysia sedang melakukan kerja-kerja 3D, tetapi dengan syarat kita memberi pengiktirafan dan layanan yang baik atas usaha dan kerja cemerlang mereka.

"Sebab itu, hari ini, kita (Kerajaan Negeri) mengiktiraf mereka (pekerja 3D) yang sedia bekerja keras dalam pekerjaan 3D demi kebersihan dan keselamatan awam," ujar beliau.

'Terima kasih Kerajaan Negeri di atas pengiktirafan kepada kami'

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : G. REVATIC & SHUM JIAN-WEI

GEORGE TOWN – Semangat kerjasama dan perpaduan pelbagai pihak bagi menangani masalah banjir yang berlaku pada 18 dan 19 Julai lalu di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang dan beberapa lokaliti lain sekitar KADUN Bayan Lepas dan Batu Maung disifatkan sebagai tindakan proaktif dalam membantu mangsa dan kawasan terlibat.

Tidak ketinggalan, Skuad 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang berpenat-lelah menjalankan kerja-kerja pembersihan banjir di kawasan berkaitan sejurus kejadian.

Bagi **M. RAMANATHAN**, 59, tugasnya sebagai seorang Pekerja Am di bawah Skuad 3D Majlis Bandaran Pulau Pinang (MBPP) tidak semudah yang disangka, banyak aspek perlu diberi perhatian terutamanya ketika melaksanakan gerak kerja pembersihan di kawasan bencana.

"Sebaik kejadian (banjir), kami (Skuad 3D) dikerah ke lokasi.

"Keadaan (banjir) agak teruk dengan arus air yang deras, sampah bercampur, pokok dan tiang tumbang, tetapi kami sedaya upaya bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar hingga jam 2 pagi," ujarnya sambil



M. Ramanathan (kiri) dan S. Govindasamy.

menyifatkan kejadian seperti itu tidak sesekali melunturkan semangatnya yang telah 28 tahun berkhidmat dengan MBPP untuk sama-sama membantu menjaga keharmonian negeri.

Beliau yang merupakan salah seorang penerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) ditemui sejurus selesai Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun TYT Yang Dipertua Negeri ke-78 bertempat di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Perkara sama turut dilalui rakan sekerjanya, **S. GOVINDASAMY**, 59, ketika berdepan situasi cemas menghadapi kejadian tsunami pada Disember 2004 dan runtuhannya antena Menara UMNO di Jalan Macalister (Jun 2013).

"Walaupun terpaksa bergemulang dengan lumpur tebal di kawasan



LAPAN kakitangan Skuad 3D MBPP menunjukkan PJM yang diterima.



WAZMI Johari Abdul Rahim dan isteri.

bencana, kami masih perlu berhati-hati dan bijak tangani risiko dan bahaya di kawasan terjejas," kata beliau yang tidak menyangka dengan pencalonan PJM yang diterimanya.

Seramai lapan kakitangan MBPP dari Skuad 3D menerima anugerah PJM sempena sambutan ulang tahun kelahiran ke-78 TYT baru-baru ini.

Turut berkongsi pengalaman, **IBRAHIM GHANY ABD. HAMID**, 54, dari Jalan Patani yang menceritakan detik cemas beliau kemalangan ketika sedang menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekitar Padang Kota di sini tidak lama dulu.

"Walaupun sekadar menyapu di bahu jalan, kami sentiasa dalam keadaan berisiko dilanggar oleh kenderaan yang lalu-lalang," ujarnya yang turut ditemani isteri, Najmunnisa Shahul Hamid, 47, baru-baru ini.

Sementara itu, Pekerja Am Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), **WAZMI JOHARI ABDUL**

3D.

"Pastinya, pengiktirafan ini memberi suntikan semangat untuk terus berkhidmat untuk masyarakat dan negeri Pulau Pinang," katanya yang telah berkhidmat selama 11 tahun di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan (Kawalan Vektor), MPSP.

Wazmi Johari yang hadir bersama-sama isteri, Aminah Abu Bakar, 43, mengakui bahawa dia pernah diherdik serta dimaki tatkala melaksanakan tugas pemeriksaan tempat-tempat pembiakan nyamuk.

"Namun, semua itu saya anggap sebagai sebahagian daripada cabaran getir yang harus diempuhi apabila berdepan dengan masyarakat," katanya.

Wazmi Johari antara sembilan penerima PJM bagi MPSP. Manakala seorang lagi menerima Pingat Jasa Kebaktian.

Syabas dan ribuan terima kasih SKUAD 3D MBPP, MPSP!

P. Pinang tetap pertahan status warisan dunia – KM

AIR PUTIH – Kerajaan Negeri akan tetap mempertahankan status George Town sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia yang diperoleh daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika diajukan soalan berhubung tindakan pertubuhan badan bukan

kerajaan (NGO), *Penang Forum* yang mengutuskan surat kepada UNESCO World Heritage Centre di Paris, kyonnya Tapak Warisan Dunia George Town berkemungkinan dalam bahaya akibat cadangan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang.

Ujarnya, tindakan tersebut adalah melibatkan seluruh rakyat Pulau Pinang. "Kalau tak suka PIP, takkan sampai

nak gugat status (George Town) sebagai tapak warisan dunia," katanya yang kesal dengan tindakan gabungan 12 NGO itu.

Jelas Guan Eng, di Melaka, pembinaan jajaran monorail adalah dalam kawasan tapak warisan dunia.

"Sedangkan di Pulau Pinang, cadangan jajaran LRT (aliran transit ringan) adalah di luar kawasan tapak warisan dunia.

"NGO-NGO ini kenalah adil, kenapa di Melaka tak ada orang cakap apapun, kenapa di Pulau Pinang pula isu.

"Apa yang lebih dikesali, orang Pulau Pinang sendiri yang ingin membatalkan (status) tapak warisan dunia.

"Rasa macam ditikam dari belakang," ulas beliau.

Guan Eng dalam pada itu memberitahu bahawa Kerajaan Negeri

akan terus mempertahankan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus pertahankan status tapak warisan dunia ini walaupun cuba 'dirampas' oleh NGO-NGO terbabit," katanya sejurus merasmikan Kempen Pengasingan Sisa di Punca bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih 14 Ogos lalu di sini.

GTWHI urus tadbir tapak arkeologi Sia Boey, respons PDC

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melantik *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) untuk mengurus, mengendali dan mentadbir kerja-kerja berwajib di pasar lama Sia Boey di sini.

Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar berkata, GTWHI kemudian akan mentadbir urus sebarang urusan berkaitan tapak Sia Boey termasuk soal keselamatan tapak dengan pakar perunding dilantik dari Universiti Sains Malaysia (USM).

"Pihak PDC telah melantik USM membuat kajian arkeologi di tapak Sia Boey bermula Jun 2016 untuk mengemukakan laporan lengkap...dijangka pada bulan November nanti," ujarnya pada sidang media di Komtar

baru-baru ini.

Menurut Rosli, sehingga kini, pihaknya masih belum menerima apa-apa laporan daripada USM termasuk laporan interim dan laporan proses *carbon dating* (pentarikhkan karbon).

"Pihak kita (PDC) masih belum terima laporan interim dan proses *carbon dating* pun masih belum selesai...masih di peringkat awal.

"Nanti kita (PDC) akan mengetengahkan kepada umum apabila (laporan-laporan interim dan proses *carbon dating*) selesai kelak.

"(Sesungguhnya) laporan-laporan ini penting bagi membolehkan Kerajaan Negeri tahu apa yang patut dilakukan bagi menguruskan tapak tersebut.

"Kita (PDC) tidak boleh nak membuat sebarang spekulasi selagi laporan lengkap

tidak diterima," responsnya.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan keputusan Mesyuarat Exco pada 10 Ogos 2016 yang sebulat suara bersetuju untuk menyerahkan tapak tersebut kepada PDC.

"Exco hari ini (10 Ogos) telah bersetuju supaya tapak Sia Boey ini diserahkan kepada pihak PDC untuk dikawal selia dan diurus dengan cekap," ujarnya yang turut serta dalam sidang media berkaitan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai antara yang turut serta dalam sidang media tersebut.

Laporan kajian arkeologi Sia Boey jangka siap Nov. - GTWHI



DR. ANG MING CHEE.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Laporan penuh pasukan ahli arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai penemuan unsur artifak di pasar lama Sia Boey atau terusan lama Prangin dijangka siap sepenuhnya pada bulan November ini.

Mengulas lanjut, Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee menasihatkan semua pihak supaya tidak membuat spekulasi awal mengenai kawasan penemuan terbaru itu.

"Saya harap semua pihak tidak membuat spekulasi awal sehingga semua bukti-bukti (penemuan) yang ada dikutip," ujarnya kepada pemberita di sini pada 12 Ogos lalu.

Menurut Ming Chee, langkah sebegini adalah demi memastikan kerja-kerja kajian arkeologi secara profesional di kawasan berkenaan tidak diganggu dan terjejas.

Pada 6 Januari lalu, sebuah terusan tertutup di bawah tanah di Sia Boey dibuka semula untuk kerja-kerja pemeriksaan berwajib.

Pada Mac (2016), ahli arkeologi USM yang membuat kajian awal dan kerja-kerja menggali di Sia Boey menemukan batu-bata, kayu, jubin, seramik dan duit syiling lama.

Oleh: **ME**



KN kaji semula Akta Kawalan Sewa, kos sumbangan pembangunan harta tanah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

PULAU TIKUS – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Akta Kawalan Sewa dicadang untuk diperkenalkan semula bagi memastikan pemilik rumah tidak sewenang-wenangnya meningkatkan kadar sewa masing-masing dan pada masa sama melindungi bangunan-bangunan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Cadangan untuk memperkenalkan semula Akta Kawalan Sewa adalah sebagai langkah melindungi penduduk sedia ada di dalam kawasan tapak warisan dunia daripada 'diusir' akibat peningkatan mendadak kadar sewa.

Cadangan tersebut adalah supaya kenaikan kadar sewa dihadkan pada kadar maksimum sebanyak 20 peratus selepas tempoh empat ke lima tahun.

"Walau bagaimanapun, perkara itu perlu diperhalusi dan diserahkan kepada penasihat undang-undang negeri untuk meneliti secara perundangan, sama ada Kerajaan Negeri boleh meluluskan akta tersebut atau perlu dikemukakan di Parlimen," katanya pada sidang media selepas persidangan Penang International Property (PIP) di sini 5 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Jagdeep turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula kos



JAGDEEP Singh Deo (barisan kiri, tengah) pada majlis sidang media persidangan PIP Summit Mid-Term Review 2016 di sini baru-baru ini.

sumbangan pembangunan yang dikenakan terhadap pemaju harta tanah dalam usaha mengurangkan kos pembangunan.

Menurutnya, Kerajaan Negeri kini dalam proses perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak-pihak terlibat untuk memuktamadkan cadangan bagi mengkaji semula kos sumbangan pembangunan berkaitan.

"Kami (Kerajaan Negeri) sedang mempertimbangkan kadar tetap bagi kos sumbangan pembangunan sebagaimana digunakan bagi menentukan kos

sumbangan infrastruktur," ujarnya.

Jagdeep memberitahu, kos sumbangan pembangunan yang tinggi bagi projek-projek pembangunan di Pulau Pinang merupakan salah satu isu utama yang dihadapi pemaju.

"Walau bagaimanapun, kos sumbangan pembangunan di Pulau Pinang bukanlah yang tertinggi dalam negara.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihak pemaju di Pulau Pinang menimbulkan keimbangan terhadap peningkatan kos pembangunan dan

mengaitkannya dengan lain-lain kos termasuk kos sumbangan pembangunan yang menyumbang kepada peningkatan harga harta tanah di negeri ini.

"Jika kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh mengurangkan kos sumbangan pembangunan, kita tidak akan menaikkannya, sebaliknya kita akan mengkaji semula formula tertentu supaya ia adil untuk semua pemaju."

"Kita sentiasa terbuka untuk sebarang perbincangan dengan mana-mana pihak berkaitan dan keputusan untuk mengkaji semula ini juga adalah hasil daripada penglibatan pemaju yang bimbang peningkatan kos pembangunan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan terus berbincang dengan pihak berkaitan dan mengumpul lebih banyak data sebelum memperkenalkan semula akta tersebut yang telahpun dimansuhkan pada tahun 1997.

"Kerajaan Negeri tidak akan tergesa-gesa dalam hal ini, tambahan pula, GTWHI (George Town World Heritage Incorporated) giat melaksanakan bengkel dan tinjauan berhubung akta tersebut.

"Saya harap mereka (GTWHI) akan dapat memberi gambaran penuh berhubung akta tersebut menjelang akhir tahun ini," kata beliau.



HAKMILIK KEKAL

AVENUE GARDEN

Servis Apartment 17 Tingkat (312 unit)

No. Lesen Pemaju: 11882-6/11-2017/01001(L)

Tempoh Sah: 27/11/2015-26/11/2017

No. Permit Iklan & Jualan: 11882-6/11-2017/01001(P)

Tempoh Sah: 27/11/2015-26/11/2017

Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP

Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal

No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/2075/53

Bebanan Tanah: Tiada

Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Mac 2019

Sekatan Kepentingan: Tiada

Bilangan Unit: 312 Unit

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth

Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090

Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

Keluasan Binaan :
Harga Jualan :
Bilangan Unit :

Jenis A
775kp (min) - 775kp (max)
RM325,000(min) - RM346,000(max)
116

Jenis B
990kp (min) - 990kp (max)
RM386,000(min) - RM399,000(max)
46

Jenis C
990kp (min) - 990kp (max)
RM384,000(min) - RM408,000(max)
104

Keluasan Binaan :
Harga Jualan :
Bilangan Unit :

Jenis AI
775kp (min) - 775kp (max)
RM328,000(min) - RM334,000(max)
4

Jenis BI
990kp (min) - 990kp (max)
RM386,000(min) - RM389,000(max)
2

Jenis CI
990kp (min) - 990kp (max)
RM383,000(min) - RM388,000(max)
4

Keluasan Binaan :
Harga Jualan :
Bilangan Unit :

Jenis D
1,098kp (min) - 1,098kp (max)
RM419,000(min) - RM438,000(max)
23

Jenis D1
1,098kp (min) - 1,098kp (max)
RM418,000(min) - RM418,000(max)
1

Jenis E
1,163kp (min) - 1,163kp (max)
RM435,000(min) - RM445,000(max)
12

KN tidak anaktirikan bakat anak tempatan – TKM I

Gaya hidup mewah



Green Residences Sdn. Bhd.
(Member of The Yeangs Sdn. Bhd. Group of Companies)

No 8, Jalan 1, Taman Sri Ujay
Off Jalan Ulu Kelang
68000 Ampang
Selangor
www.yeangs.com/cantonment.php



“kediaman bertaraf tinggi di kawasan elit & strategik”



+603 4251 2925

Hubungi kami untuk maklumat lanjut
Rumah contoh sedia untuk dikunjungi



hak milik strata di tanah pegangan kekal

20 unit rumah eksklusif 4 tingkat

5% diskaun bumiputera

No. lesen Pemaju: 12121-1/10-2017/1364 Tarikh Sah: 11/10/12 - 10/10/17 No. Permit Iklan: 12121-1/09-2016/02416(P) Tarikh Sah: 14/09/15 - 13/09/16 Tempoh Tanah: Pegangan kekal Jangka Tarikh Siap: Jul. 2016 Pihak Berkusa Kehilusan: MPPP No. Rujukan: MPPPIOSC/PB5789/13 Jumlah Bilangan Unit: 20 Harga dari minima RM 2,282,922 M hingga maksima RM 5,504,875 M Bumiputera Diskaun: 5%

PENAFIAN - Infomasi yang dinyatakan boleh diubah tanpa pemberitahuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkusa yang berkenaan atau perunding projek pemaju. Semua ilustrasi adalah lukisan artis sahaja. Walaupun segala penelitian telah dilakukan dalam penyediaan maklumat ini, pemilik, penaja dan pengurusan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan. Untuk mengelakkan kerugian, sila rujuk kepada Perjanjian Jualan dan Pembelian.

Hakmilik ©2016 Green Residences Sdn. Bhd. Hak cipta terpelihara.

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Kemampuan bakat anak Pulau Pinang menghasilkan arca tiga dimensi daripada grafit pensil direkodkan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) pada 30 Julai lalu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapannya menganggap kemampuan Sirajudeen Kamal Batcha itu sebagai suatu kebanggaan Kerajaan Negeri hari ini.

"Tahniah kepada Sirajudeen (Kamal) kerana memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pertama pameran solonya, ini sekaligus menarik lebih pengunjung untuk datang tengok.

"Malah, ia turut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak 'menganaktirikan' bakat anak tempatan," katanya ketika merasmikan Pameran IMAex dan Pelancaran Buku *The Little Mamak* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid turut memuji bakat pelukis komik *The Little Mamak*, Mohd. Azmi Mohd. Hussin dan pelukis potret, Abdul Raoof Ali atas kejayaan masing-masing mengadakan pameran karya di sini.

Sirajudeen Kamal yang ditemui sebelum itu memberitahu, beliau mula belajar seni grafit pensil melalui laman sosial media baru *Youtube*.

"Masa paling lama saya habiskan untuk buat ukiran ini adalah 212 jam, iaitu Masjid Terapung.

"Ini memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Sebab itu, seni sentiasa jadi semangat saya untuk belajar dan terus belajar," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Objek seperti Komtar, Jambatan Pulau Pinang, Masjid Terapung, Menara Berkembar Petronas merupakan antara acra tiga dimensi daripada grafit pensil yang dihasilkan oleh Sirajudeen Kamal.



MOHD. Rashid Hasnon (empat dari kiri) berjabat tangan dengan Mohd. Azmi Mohd. Hussin pada Majlis Perasmian Pameran IMAex dan Pelancaran Buku *The Little Mamak* di sini baru-baru ini.

Perpustakaan Digital P. Pinang jangka dilancar Oktober

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

DATUK KERAMAT – Perpustakaan Digital Pulau Pinang atau *Penang Digital Library* jangka dibuka Oktober ini.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, perpustakaan digital pertama negara yang menyediakan lebih 3,000 e-buku atas talian secara bebas akan menjadi jendela kemajuan masa depan bagi generasi muda di negeri ini.

"Ini ada dua sejarah, satu sebagai perpustakaan digital pertama di Malaysia dan kedua, ialah pustakawan digital pertama di Malaysia juga.

"Pada hari ini, 85 peratus (projek dekorasi) telahpun siap...*Penang Digital Library* akan menjadi jendela kemajuan generasi akan datang," katanya ketika melawat projek dekorasi semula sebuah banglow era kolonial, yang pernah menjadi premis Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Pulau Pinang di

sini 19 Ogos lalu.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, Kerajaan Negeri hari ini sedar mengenai kehadiran revolusi perindustrian keempat yang berkisar mengenai Analisis Data Besar & Data Terbuka (BDA), Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*) dan Internet Untuk Segala-Galanya (IOT).

Mengulas lanjut, ujar beliau, revolusi perindustrian pertama mengenai kejenteraan, disusuli revolusi kedua mengenai kuasa elektrik dan produktiviti, manakala, revolusi ketiga mengenai internet dan komputer telahpun ditempuhi dunia sebelum ini.

"Pulau Pinang tidak ada pilihan lagi, sama ada kita mendepani revolusi perindustrian ini atau kita akan 'mati'," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng memberitahu, kejayaan projek terbaru Kerajaan Negeri bernilai RM2.5 juta



KETUA MENTERI serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diberi penerangan mengenai pemajuan projek dekorasi dalaman Perpustakaan Digital Pulau Pinang pada sesi lawatan yang diadakan baru-baru ini.

itu bergantung kepada kolaborasi ketiga-tiga sektor korporat, *Keysight Technologies*, Eastern & Oriental Berhad (E&O) dan TIME.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat), Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) serta

pemimpin-pemimpin utama Kerajaan Negeri yang lain turut serta majlis ringkas itu.

Pada 2 Jun lalu, Guan Eng mengumumkan hasrat menuuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang dengan mengumumkan sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM1 juta.

Ketika itu, E&O turut menyumbang RM1 juta, manakala *Keysight Technologies* dan TIME masing-masing RM350,000 dan RM120,000.

VILLA RAIN TREE II

HAKMILIK KEKAL



RUMAH BANDAR
Keluasan Tanah : 1,884kp (min) - 2,939kp (max)
Keluasan Binaan : 1,787kp (min) - 1,884kp (max)
Harga Jualan : RM498,000 (min)
RM643,000 (max)
Bilangan Unit : 104



RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 4,435kp (min) - 6,017kp (max)
Keluasan Binaan : 3,398kp (min) - 3,398kp (max)
Harga Jualan : RM918,000 (min)
RM1,075,000 (max)
Bilangan Unit : 4



RUMAH LINK BERKEMBAR 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 2,153kp (min) - 3,875kp (max)
Keluasan Binaan : 2,548kp (min) - 2,548 kp (max)
Harga Jualan : RM718,000(min)
RM891,000 (max)
Bilangan Unit : 68



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 1,324kp (min) - 2,885kp (max)
Keluasan Binaan : 2,156kp (min) - 2,220kp (max)
Harga Jualan : RM608,000 (min)
RM788,000 (max)
Bilangan Unit : 208




RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (Jenis A)
Keluasan Tanah : 2,820kp (min) - 4,865kp (max)
Keluasan Binaan : 2,861kp (min) - 2,861kp (max)
Harga Jualan : RM808,000 (min)
RM1,027,000 (max)
Bilangan Unit : 20



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (Jenis B)
Keluasan Tanah : 2,476kp (min) - 2,971 kp (max)
Keluasan Binaan : 2,694kp (min) - 2,694kp (max)
Harga Jualan : RM748,000 (min)
RM863,000 (max)
Bilangan Unit : 22

Pelan Lokasi



PALMINGTON SDN BHD (892241-W)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-5/11-2017/0991(L)

No. Permit Iklan & Jualan : 11882-5/11-2017/0991(P)

Nama Pihak Berkusa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP

No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/49

Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : Dec 2018

Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal

Bebanan Tanah : OCBC

Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 26/11/2015 - 25/11/2017

Tempoh Sah : 26/11/2015 - 25/11/2017

Bilangan Unit

Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis (A)- 20 unit

Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis (B)- 22 unit

Rumah Link Berkembar 2 Tingkat- 68 unit

Rumah Sesebuah 2 Tingkat- 4 unit

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesah semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11904 : KU NUR AMELIA KU DORIS - 88031407**** 8 GERBANG SUNGAI ARA 2A, TAMAN PAGAR BULOH, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11915 : MOHD ZAKI BIN AHMAD - 77082607**** 751 PERMATANG TINGGI, BAKAR BATA 13200 KEPALA BATAS, SPUP	No Akaun Peminjam	: 11917 : NORSHAKIRAH BINTI AB MANAP - 91060407**** 589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 11919 : DARSHINI A/P BALU - 88050607**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIRAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: KAMARUZAMAN BIN SALIM - 58040802**** NO.10 LINTANG BERTAM INDAH 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPUP	Penjamin 1	: FISOL BIN AHMAD - 72092607**** NO. 22 JALAN WM 3/A6, BANDAR BEHRANG 2020, 35920 TANJUNG MALIM, PERAK	Penjamin 1	: RUZANI BIN AHMAD - 61070809**** NO.41A JALAN PALMA 2, TAMAN PALMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: BALU A/L P SHATTAN - 58060907**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PSRN, MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHAMAD ALI BIN OTHMAN - 61013107**** NO.5 LORONG BERTAM INDAH 8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPUP	Penjamin 2	: MOHD MAZLAN BIN AHMAD - 84060207**** 751 PERMATANG TINGGI, BAKAR BATA 13200 KEPALA BATAS, SPUP	Penjamin 2	: ZANARIAH BINTI ABD RAHMAN - 74030509**** NO.589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: KANTHINI A/P BALU - 86070535***** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PSRN, MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11922 : ANTHONY ANDREAS BREHME A/L SUBRAMANIAM - 92081507**** BA 4-3 SPRINGFIELD CONDOMINIUM, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11926 : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA	No Akaun Peminjam	: 11927 : SITI MARDHIAH BINTI JAMAIL - 90010307**** NO.24 LORONG KENANGA, TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11937 : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502**** E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1	: PUNITHA SELVA REENA A/P SUBRAMANIAM - 86031235*****	Penjamin 1	: ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA	Penjamin 1	: MARLIA BINTI JAMAIL - 80121802**** 24 LORONG KENANGA, TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH	Penjamin 1	: NURULANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: JELAPANG 30020 IPOH, PERAK PUNITHA SELVINA A/P SUBRAMANIAM - 82062507*****	Penjamin 2	: 47100 PUCHONG SELANGOR NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA	Penjamin 2	: NORHAYATI BINTI ABD LATIFF - 76062502**** 24 LORONG KENANGA, TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH	Penjamin 2	: FAIZAL BIN MD SAID - 84081807**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 12010 : SAFFIRUL AMRI BIN SATAR - 92051507**** TBP 6829 MUKIM 20, MENGGUANG KERETAPI, 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12018 : ROHANI BINTI M.M YUSOFF - 71082307**** 2139 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, SUNGAI GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12019 : AHMAD RAZIN BIN SHAHUL HAMID - 92032507**** D-G-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12031 : HALIMATUNSAADIAH BINTI OTHMAN - 87072135**** 630 PADANG MENORA
Penjamin 1	: SATARIYAH BINTI MAHMUD - 65072407**** TBP 6829 MUKIM 20, MENGGUANG KERETAPI, 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SYED ABDUL KADIR BIN SYED MOHD - 71012707**** NO. 2139 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD AL-NUR BIN SHAHUL HAMID - 86110935**** 2A-03-09 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: NORSIAH BINTI SAHID - 65051707**** NO.737 PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: KUMAREN A/L MURUGAPPEN - 60052802**** NO.24 SOLOK KAMPUNG JAWA 2, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHAHUL HAMID BIN KALANTHER MASTAN - 65101507**** BLOK.D-0-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NURULHASANAH BINTI OTHMAN - 80111907**** SB 748 UNIT 3, JARAK ATAS 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA NURULAIN BINTI OTHMAN - 81110907**** NO.630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 12042 : AMMAR ASYRAF BIN MOHD JAMIL - 95061308**** NO. 2 LORONG 4 , TAMAN TASEK INDAH	Penjamin 1	: 14120 SIMPANG AMPAT, SPS MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602**** NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH	No Akaun Peminjam	: 12208 : SATHYA SEELAN A/L ARUMUGAM - 92021407**** NO.32 MEDAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 12031 : HALIMATUNSAADIAH BINTI OTHMAN - 87072135**** 630 PADANG MENORA
Penjamin 1	: 14120 SIMPANG AMPAT, SPS MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602**** NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH	Penjamin 2	: 14120 SIMPANG AMPAT, SPS ROHAIZAT BIN AYOP - (MENINGGAL DUNIA) 1-4 BLOK A, JLN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: SURENRAJ NADA A/L SUNTER - 92110901**** NO.136B JALAN AWAN JAWA, TAMAN YARL 58200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: ROHAIZAT BIN AYOP - (MENINGGAL DUNIA) 1-4 BLOK A, JLN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS			Penjamin 2	: KALESWARY A/P PERIASAMY - 86071835**** NO.32 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI		: NURULAIN BINTI OTHMAN - 81110907**** NO.630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA



KETUA Menteri ketika mengadakan lawatan ke gerai-gerai pempamer penganjuran PENFURNEX 2016 di sini baru-baru ini.

Industri perabot cerah dengan syarat usahawan kreatif & inovatif

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

BAYAN BARU — Sektor industri perabot dijangka menyumbang RM16 bilion kepada pendapatan eksport negara menjelang tahun 2020, dengan Malaysia di kedudukan kelapan sebagai negara pengekspor perabot perbesar di dunia, kini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, prospek industri perabot global sebenarnya seakan cerah untuk usahawan tempatan menggandakan keuntungan, dengan syarat mampu menghasilkan rekabentuk perabot baharu yang lebih kreatif, inovatif, unik serta menarik untuk memenuhi permintaan pasaran global pada masa hadapan.

"Sektor ini bukan sahaja berdiri sebagai salah satu bidang paling berjaya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana, tetapi juga telah menjadikan Malaysia antara negara pengekspor perabot utama di peringkat global meliputi lebih daripada 160 buah negara."

Justeru, industri perabot perlu terus melaksanakan pembangunan dan pemodenan.

"Ini, termasuk memberi penekanan yang lebih kepada rekabentuk pengeluaran produk-produk inovatif berorientasikan pasaran dan penggunaan automasi bagi meningkatkan produktiviti serta kualiti," ucapnya pada Majlis Pembukaan Home Furnishing Expo (PENFURNEX) Ke-18 2016 baru-baru ini di sini.


Turut berucap, Pengerusi Pengangur PENFURNEX 2016, Tan Thiam Hock; Presiden PENFURNEX and Penang Furniture & Timber Industry Association (PFTIA), Tan Too Nie dan Presiden Majlis Perabot Malaysia, Chua Chun Chai.

Menurut Guan Eng, nilai eksport perabut negara pada tahun 2015 hampir mencecah RM9.14 bilion, menunjukkan peningkatan kira-kira 14.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

PENFURNEX 2016 yang dianjurkan oleh PFTIA baru-baru ini berjaya menarik minat lebih 120 pempamer membabitkan lebih 400 ruang pertunjukkan merangkumi ruang pameran perabot, hiasan dalaman, kelengkapan rumah dan pembuatan lantai dan dinding.

PEMBANGUNAN MEWAH PUHU GAYA

- Pembangunan campuran 27 tingkat merangkumi 84 suite mewah eksklusif dengan 2 paras podium yang terdiri daripada 26 ruang butik perniagaan
- Terletak secara strategik di lokasi eksklusif di pusat Pulau Tikus yang merupakan salah sebuah kawasan kediaman mewah di Pulau Pinang.
- Pemandangan panoramik yang menakjubkan merentasi Gurney Drive sehingga ke ufuk Laut Andaman.
- Seni bina hebat dan tersendiri oleh arkitek terkemuka, dilengkapi dengan sentuhan pereka dalaman terkenal untuk memastikan kemasan dan penghantaran berkualiti tinggi.
- Ciri-ciri keselamatan 3-tier termasuk lif persendirian dan foyer untuk setiap suite mewah.



Building today for tomorrow

Pembangunan berprestasi oleh:



PEMAJU:

HERO LEADER SDN BHD (366717-P)

Tingkat 3, Burmah House, 405, Jalan Burmah 10350 Pulau Pinang

FAKS +604 229 6999 EMEL write2us@bellevue.com.my

Untuk maklumat lanjut, hubungi

04-229 1999

www.bellevue.com.my

No. Lesen Pemaju: 7443-2/04-2017/01489(L) • Tempoh Sah: 14/04/2016 - 13/04/2017 • No. Permit Iklan dan Jualan: 7443-2/04-2017/01489(P) • Tempoh Sah: 14/04/2016 - 13/04/2017 • Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: AM Bank (M) Berhad • Pihak Berkusa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No. Kelulusan Pihak Berkusa: MPPP/OSCPB(5005)/12 Tarikh Dijangka Siap: 2016 • Bilangan Unit: 84 unit Jenis A: 2228 kps (21 unit) Jenis B: 1851 kps (21 unit) Jenis C: 1787 kps (21 units) Jenis D: 1819 kps (20 unit) dan Penthouse: 7136 kps (1 unit) • Harga: RM 2,935,080 (min) RM 7,991,880 (mak) • Diskaun Bumiputera 5%

Penafian: Semua maklumat yang terkandung dalam iklan ini (termasuk spesifikasi, ukuran pelan dan ilustrasi) adalah tertakluk kepada pindaan, perubahan dan pengubahaan tanpa pemberitahuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkusa berkenaan atau perundung pemaju. Walaupun segala langkah yang perlu telah diambil, pemaju tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa perubahan atau ketidakpastian.

MOULTEIN RISE

Luxury Suites

PULAU TIKUS, PENANG



P. Pinang capai kadar kitar semula lebihi sasaran nasional

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD & LAW SUUN TING**

AIR PUTIH – Pulau Pinang mensasarkan kadar kitar semula melebihi 40 peratus menjelang tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **pada masa ini, Pulau Pinang merupakan negeri yang mencatat kadar kitar semula tertinggi dalam negara iaitu 32 peratus.**

“Kadar ini (32 peratus) juga melebihi kadar kitar semula nasional iaitu 10.5 peratus sahaja.

“Sejak melaksanakan kempen Pengasingan Sisa Di Punca pada 1 Jun lalu, kadar kitar semula (Pulau Pinang) menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

“Semua adalah hasil inisiatif dan usaha rakyat Pulau Pinang bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT),” ucapnya pada Majlis Perasmian Pengasingan Sisa Di Punca bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, barisan Ahli

Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Air Putih.

Guan Eng dalam pada itu berharap agar usaha Kerajaan Negeri terus dilaksanakan dan rakyat sedar bahawa usaha berkaitan (Pengasingan Sisa Di Punca) adalah demi masa hadapan anak cucu kita.

“Media juga berperanan membantu Kerajaan Negeri memberi pendidikan kepada rakyat untuk mengasingkan sisa yang seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat,” katanya yang menyatakan semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan inisiatif tersebut.

Pada majlis berasingan, Guan Eng turut memuji pihak pengurusan pusat membeli-belah Queensbay (Queensbay Mall) yang telah mempraktikkan pengasingan sisa sejak tahun 2012.

“Hasil cukup memberangsangkan apabila Queensbay Mall berjaya mengitar semula sisa sebanyak 94,400 kilogram (kg) pada 2014 dan 90,800kg (2015).

“Usaha pengasingan sisa di punca bukanlah sesuatu yang baru, malah telah diperlakukan di negara-negara maju seperti Jepun dan Jerman, malah ada antara negara maju yang telah menjangkau 70 peratus



(Dari kiri), MOHD. Rashid Hasnon, Ketua Menteri dan Chow Kon Yeow menyempurnakan perasmian Kempen ‘Think Green, Act Green’ di Queensbay Mall baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut sama memeriahkan kempen berkaitan.

Kitar semula mampu hakis tanggapan flat kos rendah kononnya kotor - Boon Poh

SUNGAI PUYU – Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap partisipasi 62 keluarga penghuni Rumah Pangsa Tanjung Indah di sini mengumpul minyak masak terpakai atau biodiesel bakal berjaya semaksimum mungkin, kelak.

Katanya, kejayaan amalan kitar semula di sini kelak sekaligus mampu mengubah tanggapan serong masyarakat kononnya semua kawasan rumah pangsa kos rendah di negeri ini dalam keadaan kotor serta berbau busuk.

Beliau berkata demikian ketika wujudnya dakwaan bahawa Taman Teluk Indah dekat Perai dilabelkan sebagai ‘flat terkotor’ dalam senarai tinjauan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini.

“Saya sebenarnya sangat seronok kerana penduduk Taman Tanjung Indah begitu menyokong tiap-tiap program kebersihan dan amalan kitar semula yang mahu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, mahupun Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

“Saya memang berharap keadaan semua rumah pangsa kos rendah di negeri ini dalam keadaan bersih, seperti yang dapat dilihat begitu ketara di Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah ini.

“Program mengumpul minyak masak terpakai di Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah ini juga diharap berjaya kelak,



PHEE Boon Poh (depan, empat dari kanan) dan para pemimpin Kerajaan Negeri merakamkan gambar kenangan bersama para penduduk Rumah Pangsa Tanjung Indah selepas Majlis Pelancaran Pengumpulan Minyak Masak Terpakai di sini baru-baru ini.

supaya tanggapan masyarakat bahawa rumah pangsa kos rendah kotor dan busuk boleh terus dihakis,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng serta dua Ahli Majlis MPSP, Tan

Chee Teong dan Tan Chong Hee.

Ketika berucap, Boon Poh turut merakamkan penghargaan kepada Pengurus Perbadanan Pengurusan (MC) Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah, Ooi Hoe Soon serta Pengurus Besar syarikat pembeli minyak terpakai Fatbusta (Asia Pacific) Sdn. Bhd., Khenny Chong kerana saling bekerjasama dengan MPSP buat

julung kalinya menganjurkan Majlis Pelancaran Pengumpulan Minyak Masak Terpakai atau Biodiesel di sini.

Dalam perkembangan sama, Boon Poh turut menggesa pengusaha kilang, restoran serta semua penduduk supaya segera memasang penapis minyak di premis masing-masing untuk mengurangkan tahap pencemaran air di negeri ini.

Sehingga kini, menurutnya, Kerajaan Negeri dan MPSP sendiri sedang menyiasat beberapa kes pencemaran air di Juru, Bagan dan Bukit Panchor.

Tegas Boon Poh, Kerajaan Negeri tidak akan bertolak-ansur dengan dalang yang membuang minyak terpakai ke dalam longkang, sungai atau laut.

Terdahulu, Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah pada bulan Jun 2014 pernah dipilih sebagai projek perintis Sisa Sifar Organik CACC, anjuran Bank Dunia.

Rumah pangsa kos rendah itu dipilih kerana penduduk dinilai paling menunjukkan komitmen dalam amalan memulihara alam sekitar, berbanding beberapa lagi kawasan kediaman lain dalam senarai Bank Dunia.

Menyusu bayi serentak selama seminit, pecah rekod MBOR

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PULAU TIKUS – Seramai 820 ibu di Pulau Pinang, Petaling Jaya, Sarawak dan Johor Bahru yang menyusukan bayi selama seminit secara serentak menjadi rekod baharu dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR), berbanding rekod terdahulu pada tahun 2013 membabitkan 432 ibu.

Mengulas lanjut, Pengurus Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang, Betty Chew Gek Cheng berkata, setiap ibu yang menyusukan bayi sepatutnya berasa bangga serta tidak perlu lagi bimbang dengan tanggapan serong segelintir masyarakat.

Isteri kepada Ketua Menteri memberi dorongan berkaitan bersempena pengajuran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia di sini baru-baru ini.

“Saya ada empat anak dan semuanya saya beri susu ibu...kita (wanita) perlu mendapat sokongan dan dorongan daripada suami dalam menghargai pengorbanan isteri kepada anak-anak.

“Tahniah dan syabas kepada anda semua, ini kerana di Pulau Pinang

sahaja, seramai 150 peserta yang mengambil bahagian.

“Bayi adalah anugerah Tuhan dan mereka (bayi) memerlukan ibu sepenuhnya untuk memperoleh zat,” ucap beliau.

Bertemakan “*Breastfeeding: A key to Sustainable Development*”, Gek Cheng berharap hasrat meningkatkan kesedaran ibu menyusu bayi turut disambut oleh masyarakat, khususnya golongan suami.

Pada kesempatan tersebut, Gek Cheng turut merakamkan penghargaan atas kerjasama dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *World Alliance For Breastfeeding Action* (WABA) dan *Mother-to-Mother-Peer-Support* (MMPS) yang bertungkus-lumus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri demi menjadikan Pulau Pinang sebagai ‘Negeri Mesra Penyusuan’.

Sebelum itu, Pengarah WABA, Datuk Dr. Anwar Faizal melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas usaha mewujudkan bilik laktasi di pejabat-pejabat kerajaan, pusat membeli-belah, kafe dan restoran di Pulau Pinang.




BETTY Chew Gek Cheng (berbaju biru bunga), ahli jawatankuasa pengajuran dan para peserta bergambar kenangan pada Majlis Perasmian Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia di sini baru-baru ini.

‘TOWNHOUSE’ 3-TINGKAT YANG BERKONSEP TERKAWAL

Keluasan Binaan : 1,166 KPS | Keluasan Unit : 1,065 KPS



- Berlokasi di Balik Pulau berdekatan dengan pelbagai kemudahan awam seperti pasar, sekolah, balai bomba dan lain lain
- Terdapat 3 bilik tidur, 2 bilik mandi & 1 utiliti
- Anjung kereta yang luas untuk 2 buah kereta
- Mini padang golf, menara pandangan, taman permainan kanak-kanak, kawasan BBQ, kolam renang + jakuzzi, bilik permainan, sekuriti 24 Jam dengan CCTV, pusat gym, dewan komuniti dan lain-lain disediakan



Pemaju: **Reka Indah Development (Penang) Sdn. Bhd.** 436968-U
Block D-19-1, Bay Avenue, Lorong Bayan Indah 2, 11900 Penang.
Faks: 04-645 8700 • www.themaven.rid.com.my

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:
04-645 8800
04-645 8600

PEGANGAN BEBAS

- No. Lesen Pemaju: 7552-9/03-2017/01517(L)
- No. Permit Pengiklanan: 7552-9/03-2017/01517(P)
- Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan: MPPP
- Pajakan Tanah: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Pegangan Tanah: Pegangan Bebas
- Harga: RM527,000(min.) - RM590,000(mak.)

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

- Tempoh Sah: 21/03/2016 - 20/03/2017
- Tempoh Sah: 21/03/2016 - 20/03/2017
- No. Ruj.: MPPP/OSC/PB(6140)/13(LB)
- Bilangan unit: 120 unit
- Tarikh Dijangka Siap: April 2017
- Jenis Rumah: ‘Townhouse’ 3-tingkat

Kuasai minda tahu potensi diri - Austin

MELIHAT susuk tubuhnya yang masih sihat dan cergas, pasti ramai tidak menyangka usianya kini telah mencapai 88 tahun.

Tidak seperti kebanyakan rakan seusianya yang lebih selesa berehat dan melakukan kegiatan ringan, pesara guru, **DATUK R. AUSTIN** tetap berlari, berjoging dan mendaki hampir setiap hari.

Pasti ramai yang tidak menyedari warga emas kelahiran Kedah itu pernah menyertai pelbagai acara olahraga termasuk bermain ragbi di bawah naungan *Penang All Blue Rugby Football Club* dan mewakili negeri Pulau Pinang dalam permainan hoki selama tujuh tahun sekitar 1950-an.

Austin, yang kini menetap di Taman Western, Pulau Pinang mempunyai jadual kegiatan harian tersendiri yang bermula seawal pukul 6 pagi.

Bahkan, beliau sentiasa merancang untuk melakukan aktiviti kecergasan bagi mengisi masa yang terluang.

Ikuti wawancara istimewa, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** di kediaman beliau baru-baru ini.

SOROTAN MASA LALU

Sejak kecil lagi, anak kelahiran negeri Jelapang Padi itu ‘dipaksa’ oleh kedua-dua ibu bapanya untuk kekal sihat dan aktif.

Bapanya merupakan pemain tenis yang pernah menyertai kejohanan peringkat negeri Kedah selama beberapa tahun sebelum bertugas sebagai Pembantu Hospital di Hospital Kulim, manakala ibunya seorang suri rumah.

“Ibu sangat tegas, setiap hari dia akan pastikan saya makan telur mentah bagi memastikan tahap kecergasan yang optimum.

“Bapa pula, akan pastikan saya mengambil minyak ikan kod dan beberapa vitamin lain yang dibelinya di farmasi hospital,” katanya yang merupakan anak tengah daripada lima adik-beradik.

Meskipun beliau menganggap apa yang dilakukan oleh ibu dan bapanya sebagai satu ‘paksaan’, namun semuanya berbaloi apabila sehingga ke hari ini, beliau masih kekal sihat.

DIET HARIAN

“Tidak ada apa-apa rahsia, tiada tips-tips spesifik untuk kekal sihat, cuma yang penting,



R. Austin bersama-sama isteri meluangkan masa di ‘kebun’ mereka setiap pagi dan petang.

perlu kekal aktif dan tidak mudah berputus asa,” jelasnya ketika disoal berhubung corak pemakanan.

Ujar beliau, setelah mendirikan rumah tangga bersama R. Joyce, 76, pada tahun 1960, soal pemakanan diserahkan sepenuhnya kepada isteri tercinta.

“Kadang-kadang makan ayam, ikan...apa pun yang penting makanan perlu berkhasiat dan segar.

“Kurangkan makan di luar...tiada perasa, semuanya hambar terutama di restoran makanan segera, langsung tidak menyihatkan,” katanya yang gemar masakan berdasarkan ikan.

AKTIVITI KECERGASAN HARIAN

Jadual kegiatan hariannya bermula seawal pukul 6 pagi.

Kebiasaannya, setelah bangun pagi, Austin akan melakukan senaman regangan ringan.

“Sudah menjadi kebiasaan, tabiat.

“Rasa serba tidak kena kalau tidak melakukan senaman atau berlari.

“Sampaikan pernah satu tahap, ketika sedang berjoging ke Taman Bandaraya (Youth Park), ada seorang penunggang motosikal melemparkan duit dan menyuruh saya menaiki bas.

“Saya juga pernah dipanggil gila kerana hari-hari berlari, berjoging...pagi dan petang.

“Tetapi semua itu, tidak mematahkan semangat untuk terus berlari,” ceritanya yang masih lagi aktif berlari, berjoging mahupun mendaki kawasan berbukit sekitar Kebun Bunga, setiap hari.

Manakala isterinya turut melakukan aktiviti kecergasan harian seperti berjalan sekitar kawasan kediaman dan berkebun.

GEMAR BERKEBUN

Selain gemar aktiviti kecergasan, beliau dan isteri turut meluangkan masa untuk berkebun.

Memiliki laman di hadapan dan sisi rumah, Austin dan Joyce mengambil peluang menyeroni kediaman mereka dengan pelbagai jenis pokok bunga, pokok hiasan dan tumbuhan hijau.

“Pokok-pokok bunga di laman ini ditanam dan dijaga sendiri.

“Berkebun juga satu senaman,” katanya sambil menunjukkan laman sekitar kediaman mereka.

ZAMAN KEGEMILANGAN SUKAN DAN PELUANG KERJAYA DI SINGAPURA

Mengimbau kembali sejarah penglibatan dalam sukan olahraga, Austin mula

menunjukkan potensi ketika menuntut di High School Bukit Mertajam (HSBM) sekitar awal tahun 1940-an.

Selain menyertai sukan ragbi dan hoki, Austin juga turut dilantik menjadi kapten olahraga di sekolahnya.

“Oh Boon Tat, merupakan individu yang bertanggungjawab mencetuskan minat dalam pelbagai aktiviti kesukanan, selain bapa saya selaku ahli sukan ketika zaman belianya.

“Beliau (Boon Tat) merupakan guru kelas dan juga guru pendidikan jasmani di HSBM, beliaulah yang banyak memberi perangsang untuk saya terus kekal fokus.

“Sejak itu, saya percaya, dalam setiap perkara yang kita lakukan, keazaman dan kesungguhan menjadi kunci kejayaan,” katanya.

Kegiatan sukan Austin tidak berakhir di situ sahaja, sebaliknya sekitar tahun 1950-an beliau diserap untuk menyertai sukan hoki dan mewakili negeri Pulau Pinang sebagai pemain sayap kiri (penyerang).

Malah, beliau turut berpeluang menyertai perjumpaan, *Malaysian Open Athletic Meet* di Singapura.

“Ketika itu, saya menyertai acara larian 400 meter dan berjaya menjadi juara.

“Sejurus kejayaan tersebut, saya ditawarkan untuk menjadi anggota polis di Singapura, namun terpaksa ditolak memandangkan situasi ketika itu tidak mengizinkan.

“Tambah pula, ibu saya mahu saya menjadi guru dan bukannya anggota polis.

“Jadi, saya pun memohon untuk menjadi guru dan diterima menjadi guru Bahasa Inggeris di beberapa buah sekolah kerajaan, sehingga bersara,” ujarnya yang kemudiannya ditawarkan jawatan sebagai Pengetua di Sekolah Sri Inai Pulau Pinang (kini dikenali sebagai Sekolah Sri Tenby) sekitar pertengahan tahun 1980-an.

KUASAI MINDA, KENALI POTENSI DIRI

Sebelum mengakhiri sesi wawancara, Austin sempat berkongsi falsafah hidup beliau.

“Kuasai minda kita...minda manusia mempunyai dimensi dan kekuatan yang hebat.

“Tahukah kamu bahawa setiap kita telah ‘diprogramkan’ melalui minda untuk menjadi diri kita pada hari ini.

“Oleh itu, kita perlu kuasai minda kita dan melaluinya, kita akan tahu potensi diri kita,” katanya yang tidak pernah lokek berkongsi pengalaman hidup bersama Buletin Mutiara.



LIM SIEW KHM.

PERSIARAN Karpal Singh baikan mercu pembangunan Bandar Sri Pinang, kini

Bersiar-siar, lepak sambil menikmati makanan, *busking*, permainan kasut roda dan pelbagai lagi aktiviti bermula pada lewat petang seakan menjadikan kawasan ini taman rekreasi malam.

‘Talent @ Persiaran Karpal Singh’ pernah dianjurkan saban Sabtu sebelum ini, supaya penyanyi, penari, kumpulan ‘buskers’, ahli silap mata dan sebagainya berpeluang untuk membuat persembahan secara terbuka di sini.

Namun, bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, masih banyak lagi perlu dilakukan.

“Saya ada menerima keluhan warga emas bahawa tiada tempat untuk mereka menenangkan fikiran, bagitu juga remaja dan kanak-kanak tiada tempat untuk mereka rekreasi di tempat tinggal mereka.

“Sasaran saya, antaranya untuk mewujudkan lebih taman mini atau taman permainan.

“Saya mahu semua penduduk di kawasan Sungai Pinang ini dapat menikmatkan persekitaran yang bersih dan nyaman,” jelasnya ketika ditemubual wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** di Jalan Rangoon baru-baru ini.

Siew Khim, 46, ibu kepada lima anak itu pernah menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebelum bertanding dan menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 15 Mei 2013.

Beliau mengambil keputusan untuk terjun dalam arena politik lebih awal dari itu, pada tahun 1992

Hijaukan Sg. Pinang, Siew Khim mahu hidup rakyat lebih selesa

lagi.

Kini, Siew Khim nekad sedaya mungkin untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, kira-kira 23,501 pengundi berdaftar, 31 peratus Melayu, Cina (54.56 peratus), India (14.09 peratus) dan kaum-kaum lain (0.32 peratus).

Untuk itu, beliau berkata, lebih 20 rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah di Sungai Pinang perlu diselenggarakan.

Namun, Kerajaan Pusat di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) hanya meluluskan peruntukan di Kampung Jawa sahaja.

“Walaupun (flat Kampung Jawa) dapat (70 peratus) peruntukan TP1M dan (30 peratus lagi di bawah Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang) HAPPY! yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, tetapi mereka masih memohon peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan di bawah Kerajaan Negeri, sebab ada masalah pada bahagian bumbung (rumah pangsa tersebut).

“Saya baru tiga tahun (menjadi wakil rakyat) Sungai Pinang, masih banyak lagi perlu dilakukan.

“Semua itu perlu ditangani satu langkah demi satu langkah,” jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dalam tempoh tiga tahun ini, pelbagai projek pembangunan dilaksanakan di Sungai Pinang, antaranya ‘pocket park’ diwujudkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai.

Kelas tambahan secara percuma untuk murid-murid turut dianjur di Taman Jelutong Jaya, PPR Jalan Sungai serta satu lagi dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pusat Khidmat ADUN Sungai Pinang.

Itu, tidak termasuk projek pemajuan tiga gelanggang futsal yang dibina di Mutiara Height,



BERSAMA-sama sebahagian wanita yang menyertai program pemeriksaan mamogram percuma, Mammo Penang anjuran Kerajaan Negeri.

Persiaran Karpal Singh dan Flat Mutiara Vista demi menggalakkan belia setempat mengamalkan gaya hidup sihat.

“Semua kita percaya pendidikan boleh mengubah nasib seseorang, jadi saya tidak mahu anak-anak kita hilang fokus dalam hal ini.

“Selain pada pelajaran, program pendidikan dan kerjaya, program sukan juga perlu ada untuk komuniti lebih selesa,” ujarnya.

Siew Khim memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pernah melaksanakan bancian untuk ‘Gender Responsive Budgeting’ (GRB) Taman Jelutong Jaya dan Taman Jalan Jeti, demi menggalakkan partisipasi penduduk setempat.

Tambah beliau, saban tahun, pihaknya menganjurkan program bantuan persekolahan serta program-program kebajikan lain demi membantu golongan terpilih di Sungai Pinang.

Selain itu, menurut Siew Khim, golongan wanita khususnya ibu tunggal tidak pernah diabaikan.

Beliau senantiasa mencari jalan



Gotong-Royong Flat Medan Tunku, menyerlahkan semangat harmoni bersama.

untuk membantu golongan tersebut menambahkan pendapatan keluarga, dengan memberi kelas-kelas kemahiran menjahit dan berniaga kepada mereka.

“Sebenarnya kejayaan dalam membangunkan potensi wanita, khususnya ibu tunggal ini bergantung pada komitmen mereka sendiri.

“Paling ramai ibu tunggal adalah Melayu, pendekatan cepat antaranya mesti membantu mereka berniaga secara kecil-kecilan.

“Kita mesti membantu mereka

dari segi pemikiran, tabiat dan kemahiran,” katanya.

Siew Khim percaya, komitmen memberi perkhidmatan secara jujur dan berterusan tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang politik lama-kelamaan mampu menambat hati rakyat terbanyak, termasuk orang-orang Melayu sendiri.

“Terus bekerja untuk rakyat secara jujur, saya cuba sedaya mungkin untuk menjadikan Sungai Pinang ini ‘green lung’ supaya hidup rakyat lebih selesa,” ujar Siew Khim.



MENGAMBIL bahagian dalam aktiviti kebun kejiranan di salah sebuah sekolah dekat Sungai Pinang, komited mendidik generasi pelajar mengenai pripenting menghijaukan alam.



MERAKAMKAN gambar dengan para tetamu pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Peringkat KADUN Sungai Pinang.

SPG, gajet parkir pintar elak dikompaun – Ahli Majlis

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF**
ZULKIFLI

GEORGE TOWN - Gajet parkir pintar pertama di Malaysia, *Smart Parking Gadget* (SPG) yang diperkenalkan syarikat S&S IT Innovations Technology Sdn. Bhd. (SSIT) untuk kegunaan umum ekoran pengenalan bayaran sistem parkir baru Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bukan sahaja mesra pengguna, malah memudahkan urusan barisan.

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, penggunaan SPG mampu menjimatkan masa serta wang ringgit, pada masa sama memenuhi kehendak gaya hidup masa kini.

"Alat dikenali SPG ini memudahkan urusan pengguna

"Ini kerana, pengguna yang menggunakan SPG tidak perlu risau akan tempoh tamat masa meletakkan kenderaan

di petak parkir MBPP. Apabila ingin keluar dari kenderaan, pengguna hanya perlu menekan butang ‘mula’ dan apabila selesai berurus, kembali ke dalam kenderaan, tekan butang ‘tamat’.

"Berbanding sekiranya menggunakan kupon (kertas), pengguna perlu menganggarkan tempoh masa berurus. Malah, apa yang sering terjadi adalah, pengguna sering disaman apabila tempoh berurus adalah melebihi (tempoh masa) yang digores (di atas kupon)," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu bahawa buat masa ini, penggunaan alat SPG hanya untuk kawasan parkir di bawah seliaan MBPP.

"Selain mengelak berlakunya kesilapan anggaran tempoh masa berurusan ketika menggores kad kupon parkir, SPG juga merupakan gajet hijau yang menggalakkan penggunaan alat digital tanpa kertas.

"Pengguna hanya perlu tambah nilai



PENGARAH Operasi SSIT, Eric Voon (kanan sekali) menunjukkan gajet parkir pintar yang mesra pengguna ketika ditemui di sini baru-baru ini.

secara atas talian atau ke kedai serbaneka 7Eleven...cukup mudah," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan talian 04 - 640 2220/2221.



PARA perserta cilik menunjukkan bakat masing-masing pada penganjuran Pertandingan Catur Dalam Taman di sini baru-baru ini.

Catur Dalam Taman tingkat teknik peserta

ERAT HUBUNGAN, TINGKAT TEKNIK PERMAINAN... Penganjuran Pertandingan Catur Dalam Taman oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Persatuan Catur Pulau Pinang (PCPP) baru-baru ini menerima maklum balas positif daripada warga tempatan.

pada tahun ini dan berharap acara tersebut dapat dianjurkan dalam skala yang lebih besar kelak.

"Anjuran ini bukan hanya dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan peserta dan penduduk di negeri ini.

"Malah, penerapan nilai kemasyarakatan dan pelbagai teknik yang terkandung dalam permainan catur bakal meningkatkan lagi kemahiran peserta," katanya pada pengajuran berkaitan.

Kitar semula mampu sejukkan suhu bumi - YDP

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BAGAN DALAM – Amalan kitar semula warga setempat mampu menyekukkan suhu bumi, kata Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif pada Majlis Pelancaran Sisa Sifar Kondominium Sea View di sini baru-baru ini.

"Pada awal tahun ini (2016), kita semua lihat dan dapat merasa perubahan cuaca disebabkan El Nino, yang menyebabkan lima kes strok haba dan salah satu daripada kes tersebut telah membawa kematian."

"Ini kerana, penghasilan sampah yang berlebihan menyumbang kepada penghasilan gas rumah hijau dan sekaligus menyebabkan pertambahan suhu."

"Justeru, saya merayu supaya kita perlu peka terhadap alam sekitar dan mengubah sikap kepada sayangnya bumi," katanya pada majlis tersebut di sini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, A. Ananda (Pengerusi Perbadanan Pengurusan Kondominium Seaview) dan beberapa Ahli Majlis bagi MPSP.

Menurut Maimunah, sehingga kini, sebanyak lapan pangaspuri sekitar Seberang Perai memberi komitmen secara rasmi bagi program sisa sifar, anjuran MPSP.

Justeri, beliau sekali lagi menyeru semua pihak supaya mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula dan sisa baki, di kediaman



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah, bertudung) dan A. Tanasekharan merakamkan gambar kenangan bersama-sama penghuni setempat pada Majlis Pelancaran Sisa Sifar Kondominium Seaview di sini baru-baru ini.

masing-masing.

Sisa baki adalah sisa yang tidak boleh dikitar semula seperti tisu kotor, lampin pakai buang, kertas tercemar dan banyak lagi, manakala sisa boleh dikitar semula pula seperti plastik, kaca, kertas, tin, besi serta lain-lain.

"Ini, bagi memudahkan penghuni rumah untuk mengamalkannya, serta menjadikan pengasingan ini sebagai

satu budaya kehidupan sehari-hari, malah akan membawa perubahan yang besar pada suatu hari nanti," ujarnya.

Terdahulu, Maimunah memberitahu, peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan MPSP mampu dijimatkan hampir RM4 juta pada tahun ini, sekiranya penjanaan sampah harian seberat 1,100 tan berjaya dikurangkan 50 peratus tiap-tiap hari mulai bulan Mei depan.

Tambahnya, jumlah kitar semula seberat 56,264.436 tan oleh MPSP di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini bersamaan dengan penjimatan kos sebanyak RM1,136,541.60.

Sepanjang tahun lalu, difahamkan, MPSP membelanjakan RM8.89 juta 'tiping fee' atau caj atas 440,460 tan sisa pepejal yang dikumpulkan ke tapak pelupusan sampah tersebut.

Peta pelancongan bagi tarik pengunjung berganda ke Seberang Perai

TELUK AIR TAWAR – Sebanyak 50,000 naskah Peta Pelancongan Seberang Perai yang diedarkan dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) serta beberapa lokasi strategik lain sekitar Pulau Pinang sejak Januari lalu diharap menggandakan jumlah kunjungan pelancong asing serta warganegara ke destinasi-destinasi menarik di ketiga-tiga daerah Seberang Perai.

Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya mahu Seberang Perai dikenali dunia seiring dengan sektor pelancongan warisan yang terdapat di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Tempat pelancongan menarik memang banyak di Seberang Perai ini, cuma sedar atau tidak sahaja mengenai kewujudan tempat-tempat menarik ini sahaja.

"Se kurang-kurangnya pelancong apabila tiba di Lapangan Terbang (PIA) dan hotel-hotel, mereka boleh nampak

adanya panduan dan peta pelancongan ke tempat-tempat menarik di Seberang Perai," katanya pada majlis keraian Festival Raya Butterworth di Pantai Bersih di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, Festival Raya Butterworth merupakan satu lagi usaha rejuvinasi perbandaran, warisan komuniti, kebudayaan, kesenianan dan sektor pelancongan tempatan, di bawah Program Butterworth Baharu.

Pembukaan 13 Food Truck unik, mini persembahan pentas dan nyanyian lagu-lagu tradisional serta pertunjukan bunga api merupakan antara yang menarik dalam keraian Festival Raya Butterworth berkaitan.

Edisi Peta Pelancongan Seberang Perai 3.0, jelas Maimunah adalah projek usahasama MPSP dan Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pulau Pinang dan diterbit oleh pihak pejabat Exco Pembangunan Pelancongan.

Panduan peta dalam format PDF boleh dimuat turun dari web rasmi MPSP, www.mpsp.gov.my/map/south.pdf.



IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1.	Pegawai Perubatan	UD48	Tetap	1
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	Tetap	3
3.	Jururawat	U29	Tetap	1
4.	Penolong Pegawai Pertanian	G29	Tetap	1
5.	Pembantu Penilaian	W19	Tetap/Kontrak	3
6.	Pemandu Kenderaan	H11	Kontrak	10
7.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	Tetap	1

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Iklan ini akan disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada 22 Ogos 2016. Tarikh tutup iklan pada 5 September 2016.

SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di www.mpsp.gov.my.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai mulai 22 Ogos 2016 dan membuat permohonan secara atas talian (online) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di www.mpsp.gov.my.

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke perjawatan@mps.p.gov.my.

Derma darah amalan mulia – KM

AMALAN TERPUJI...

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa niat seseorang untuk menderma darah merupakan suatu tindakan yang terpuji dan patut diamalkan rakyat negeri ini.

Katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, seseorang mampu menyelamatkan nyawa insan lain dengan menjadi penderma darah.

Beliau berkata demikian pada Program

Derma Darah anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Bendera dengan kerjasama Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) di sini baru-baru ini.

Kira-kira 200 termasuk penderma membanjiri penganjuran berkaitan. Selain mengambil peluang beramah-mesra dengan Guan Eng, para pengunjung terutamanya penduduk setempat turut tidak melepaskan peluang untuk menderma darah.

Beliau berkata demikian pada Program



PARA kakitangan HPP tidak melepaskan peluang bergambar kenangan dengan Ketua Menteri pada penganjuran Program Derma Darah di sini baru-baru ini.

Exco ‘belanja’ tiket wayang Kabali



DR. Afif Bahardin (tengah) dan A. Kumaresan (kiri) memerhatikan sepanduk filem Kabali yang dipaparkan di luar pawagam di sini.

SANTAI BERSAMA KELUARGA... Seramai 150 individu bertuah menerima tajaan khas tiket filem Kabali oleh Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini.

Afif memberitahu, hasrat beliau menaja tiket berjumlah RM1,800 tersebut adalah bagi menggalakkan santai sesama keluarga.

“Sebelum ini, saya turut mengedarkan tiket

percuma bagi filem Ola Bola, Redha dan ini merupakan filem ketiga,” katanya ketika ditemui di pawagam pasaraya Sunway Carnival Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT).

Selain tiket wayang, Afif turut mengedarkan 100 tiket percuma perlawanan bola sepak antara Pulau Pinang menentang Kedah yang berlangsung pada 26 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan.



P. Kashthuraani (duduk, berbaju merah) memerhatikan petugas-petugas yang menjayakan penganjuran Kempen Daftar Pengundi di sini baru-baru ini.

MP seru belia layak segera daftar sebagai pengundi

BUKIT TENGAH – Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kashthuraani merayu semua belia berusia 21 tahun dan ke atas supaya segera mendaftarkan diri sebagai pengundi.

“Penglibatan golongan muda dalam pilihan raya amatlah perlu memandangkan mereka adalah tunjang pembangunan negara.

“Kempen ini memberi fokus kepada golongan remaja berusia 21 tahun (kali pertama) untuk mendaftar sebagai pengundi bagi pilihan raya yang akan datang,” ucapnya pada penganjuran Kempen Daftar Pengundi di Pasar Pagi Perkampungan Juru di sini baru-baru

ini.

Menurut Kashthuraani, program kempen anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimennya dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat serta sokongan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu berjaya mendaftarkan lebih 200 pengundi baru.

“Kempen ini bukan sahaja menerima permohonan pengundi baru, malah permohonan menukar daerah mengundi.

“Kita akan menganjurkan kempen ini lagi supaya lebih ramai yang layak didaftar sebagai pengundi muda dan pengundi baru,” ujarnya.

Kenal sesama sendiri melalui aktiviti kemasyarakatan – Farizan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

AIR ITAM – Penganjuran aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong atau perjumpaan bulanan di sebuah kawasan perumahan antara lain bertujuan memupuk semangat kejiranian dalam kalangan komuniti setempat.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus berkata, usaha mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang lebih kerap adalah perlu kerana ia merupakan langkah terbaik dalam mewujudkan semangat kejiranian.

“Melalui aktiviti kemasyarakatan seperti ini, semua penduduk bukan sahaja dapat mengenali sesama sendiri, malah juga mengeratkan hubungan antara warga penjawat awam yang ada di sini,” ucapnya ketika merasmikan Program Gotong-royong Perdana Pangaspuri Harmoni di Jalan Kennedy di sini baru-baru ini.

Menurut Farizan, sebagai jiran tetangga, komuniti setempat harus saling kenal-mengenali dan bukannya hanya membuat hal masing-masing.

“Sekiranya tiada sebarang program atau aktiviti kemasyarakatan dianjurkan, maka suasana kawasan tersebut akan menjadi kurang ceria, malah turut mengundang persekitaran yang tidak sihat,” katanya yang berharap semua penghuni di Pangaspuri Harmoni dapat bekerjasama sebagai sebuah keluarga besar.

Program Gotong-royong Perdana anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Persatuan Penduduk Pangaspuri Harmoni tersebut turut mendapat kerjasama daripada agensi-agensi negeri lain antaranya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kesihatan, Jabatan Taman Botani dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Turut serta, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman dan Pengurus Persatuan Penduduk Pangaspuri Harmoni, Wan Azmir Mohd. Abu Bakar.

Pangaspuri Harmoni merupakan kediaman penjawat awam negeri.



SALAH seorang kakitangan awam membersihkan saluran longkang pada penganjuran Program Gotong-royong Perdana Pangaspuri Harmoni di sini baru-baru ini.

Larian Keamanan bawa mesej sedunia ke P. Pinang



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam program Larian Keamanan SCI 2016 di sini baru-baru ini.

SEMARAK KEAMANAN DUNIA...

Kira-kira 100 peserta termasuk orang kurang upaya (OKU) menyertai program Larian Keamanan SCI 2016 di Taman Perbandaran pada 31 Julai lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berharap, inisiatif pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Service Civil International (SCI) menganjurkan program berkaitan diharap dapat menyemarakkan lagi mesej keamanan sedunia, khususnya di negeri ini.

“Di Pulau Pinang, kita bertuah dapat hidup dengan harmoni dan majmuk berlatarbelakangkan pelbagai agama dan komposisi kaum,” ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyempurnakan pelepasan para peserta.

Turut berlangsung adalah persembahan tarian oleh murid-murid ‘istimewa’, tarian zumba, pameran kesihatan dan pemeriksaan kesihatan percuma.

Kastam juara Futsal FMM



LIM Hock Seng (enam dari kanan) menyampaikan hamper kepada pasukan Kastam yang menjuarai Kejohanan Karnival Futsal (Kategori Wanita) FMM 2016 Edisi Ke-4 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BAGAN JERMAL – Pasukan futsal Jabatan Kastam Pulau Pinang (Kastam) menjuarai Kejohanan Karnival Futsal (Kategori Wanita) FMM 2016 Edisi Ke-4 di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merasmikan kejohanan tersebut.

Pengerusi Pengangur, William Tan berkata, kejohanan itu diharap dapat memupuk semangat bekerja dan persahabatan dalam kalangan pekerja kilang yang menganggotai FMM.

“Ini adalah kali pertama kita dapat penyertaan daripada pasukan wanita.

“Walaupun tahun ini hanya tiga pasukan, saya berharap pada tahun hadapan ada peningkatan.”

katanya pada majlis kejohanan tersebut di sini.

Menurut William, pasukan Kastam muncul juara selepas menewaskan dua pasukan lain.


“Mereka berjaya mengalahkan pasukan tempat kedua, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan jaringan 2-0 pada perlwanan akhir,” jelasnya.

Kapten pasukan Kastam, Norazrini Aziz, 32, yang ditemui menyifatkan kemenangan tersebut sebagai hasil kekuatan berpasukan di gelanggang pertandingan.

“Kami hanya berlatih sebulan sebelum pertandingan ini kerana masing-masing sibuk bekerja...apabila latihan, kami akan berlatih dengan bersungguh-sungguh.”

“Kemenangan ini adalah hasil daripada komitmen kami sepasukan,” ujarnya yang juga Penolong Pengarah Kastam Negeri.

Tandas Belisik Pulau Pinang



Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No. My Kid/ Kad Pengenalan:
 Alamat:
 Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga:
 No. Telefon : (Rumah) (Bimbbit) :
 Emel:

Termas & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2016** hingga **1 Oktober 2016**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantarkan seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak pengajur.
6. Keputusan pengadil adalah mutlakamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua boorang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peradiuan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah:

- Pertama:** RM200
Kedua : RM150
Ketiga : RM100
5 Hadiah Saguhati